

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN:

Fonologi adalah salah satu aspek dalam bidang Linguistik. Bidang ini merupakan asas pertama dan utama dalam sesuatu bahasa. Kajian mengenainya mencakupi dua aspek utama iaitu fonetik dan fonemik. Fonetik adalah salah satu aspek fonologi yang membicarakan tentang tempat atau daerah sebutan, bagaimana cara menyebut dan sifat-sifat huruf. Maniacal fonemik pula membicarakan tentang peranan bunyi dan hal-hal yang berkaitan dengan perbezaan bunyi yang menghasilkan makna yang berbeza.

Sistem bunyi dalam bahasa al-Quran adalah suatu unit yang mempunyai disiplin-disiplin tertentu diperturunkan secara *talaqqi* daripada *jibril 'alaihissalam* kepada Nabi Muhammad (SAW). Daripada Nabi Muhamad (SAW) diperturunkan kepada para sahabat dan daripada sahabat kepada tabieen. Seterusnya diajar kepada setiap orang Islam. Cara sebutan dan bacaannya mesti tepat seperti mana ianya diajar oleh *Jibril alaihissalam* dan tidak boleh diubah suai mengikut suasana dan keadaan.

Walaubagaimanapun setelah Islam berkembang ke merata dunia dan penganutnya terdiri dari berbagai-bangsa dan keturunan yang bertutur dalam berbagai bahasa dan dialek. Ramai di kalangan mereka yang tidak dapat menyebut dan membaca al-Quran dengan betul. Mereka yang belajar al-Quran ketika umur

sudah dewasa sukar untuk menyebutnya dengan betul kerana lidah dan alat pertuturan mereka telah terikat dengan bahasa ibunda dan dialek mereka masing-masing. Mereka menyebut huruf-huruf al-Quran menyimpang daripada bunyi asal. Contohnya ‘Fa’ (ف) disebut dengan bunyi ‘pa’, ‘fahum’ (فهوم) disebut dengan bunyi “pahum”, huruf *Ra* (ر) disebut dengan bunyi *ra*, *Radhia* (رضي) disebut dengan bunyi “radia”.

Sekiranya tidak ada guru-guru yang mahir yang menerima Al-Quran secara *talaqqi* membetulkan bacaan mereka dan mengajar anak-anak mereka, kelemahan ini akan berterusan diwarisi oleh anak-anak mereka malah lama kelamaan ia akan menjadi lebih buruk. Untuk mengatasi kelemahan ini langkah-langkah tertentu perlu diambil diperingkat awal pengajian mereka.

Membaca al-Quran mempunyai kaedah-kaedah dan cara-cara tertentu yang mesti dipatuhi. Tidak seperti membaca teks bahasa Arab biasa, di mana seni bacaan dan bunyinya mencakupi hukum-hakam dengung, panjang-pendek, tebal-nipis, tinggi-rendah, *waqaf – Ibtida'* dan sebagainya yang perlu dijaga dan ditepati. Bacaan yang menepati disiplin ini disebut sebagai “*Tartil*” (ترتيل) Al-Muzammil, iaitu cara yang dikehendaki oleh al-Quran.

Hari ini ramai di kalangan pelajar Melayu yang membaca al-Quran tidak dapat menyebut huruf-hurufnya dengan betul. Contohnya ketika menyebut huruf-huruf seperti ه, ض, ظ, ع, ق, ئ, ة, ئ, ؤ. Mereka juga tidak mengetahui makhraj dan sifat-sifat huruf yang berbeza antara satu sama lain seperti همس, جهر, لين، قفلة، صفير

dan sebagainya . Kelemahan dalam mengenal pasti sifat-sifat bagi setiap huruf menyebabkan bacaan dan sebutan mereka tidak menentu.

Pelajar juga tidak konsisten (*istiqamah*) dalam menyebut panjang pendek sesuatu hukum *mad*. Kadar panjang yang sama dibaca berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain. Contohnya وَجَاءَ ; kadang-kadang dibaca dengan dua *harakah* (dua pergerakan) sedangkan di tempat yang lain dibaca dengan kadar empat atau lima harakah. Ini menyebabkan bacaan mereka tidak seimbang. Masalah yang sama berlaku pada *ghunnah* (غُنْنَةً) atau dengung. Contohnya dalam hukum *ikhfa'* (إِخْفَاءً) ; kadang-kadang pelajar dapat membaca dengan betul bersama dengungnya tetapi seringkali mereka lalai membaca terus tanpa dengung. Contohnya ketika membaca (إِنْ كُنْثُمْ مُؤْمِنِينَ) Sepatutnya antara *Nun* (ن) yang mati (*sakinah*) dan *Kaf* (ك) atau *Ta'* (ت) dan antara *Mim* (م) yang *sakinah* dan *Mim* selepasnya hendaklah dibaca dengan dengung atau *ghunnah*. Tetapi seringkali mereka leka dan lalai membacanya tanpa *ghunnah* sebagaimana yang sepatutnya. Kecuaian menjaga *ghunnah* dalam bacaan menyebabkan hilang sebahagian daripada keindahan bunyi bahasa Al-Quran.

Ramai juga pelajar yang tidak tahu di mana *waqaf* yang sepatutnya mereka berhenti ketika membaca Al-Quran. Mereka berhenti di mana sahaja bila kehabisan nafas menjadikan ayat yang dibaca tergantung. Kelemahan ini berkait rapat pula dengan tempat di mana sepatutnya mereka mula sambungan bacaan. Biasanya mereka yang berhenti tidak pada tempat yang sewajarnya akan memulakan

sambungannya di tempat yang salah. Selalunya mereka memulakan sambungan bacaan di tengah-tengah atau di akhir ayat dan disambung dengan perkataaan yang berikutnya. Ada juga yang berhenti di tengah atau sebelum akhir sesuatu perkataan, kemudian dimula sambungannya dengan huruf selepasnya. Contohnya ﴿لَّا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ﴾ diwaqafkan selepas *Wau* (و) pada perkataan “الكافرُونَ”. Kemudian dimula dengan ﴿لَّا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ﴾

Kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas adalah berpunca daripada berbagai-bagai faktor. Faktor guru merupakan punca utama di samping faktor pelajar dan persekitaran. Kebanyakan mereka yang mengajar Al-Quran tidak mahir dan tidak mempunyai kelayakan yang cukup untuk mengajar Al-Quran. Mereka hanya sekadar boleh membaca Al-Quran sedangkan bacaan mereka tidak betul sepetimana yang sepatutnya. Oleh kerana tidak ada guru yang berkelayakan, maka tugas yang mulia itu terpaksa dipikul oleh sesiapa sahaja yang sanggup meluangkan masa sekadar kemampuan yang ada pada mereka. Sebahagian daripada mereka terdiri daripada ibu bapa pelajar-pelajar itu sendiri yang mengajar Al-Quran kepada anak-anak mereka di waktu malam. Biasanya antara selepas sembahyang *Maghrib* hingga sembahyang *Isya'*. Ada juga yang menghantar anak-anak mereka belajar dengan guru-guru kampung. Biasanya orang tua yang uzur mengajar Al-Quran di serambi-serambi rumah mereka dengan cara dan gaya mereka yang tersendiri. Guru-guru Al-Quran ini samada ibu bapa atau orang kampung walaupun mereka sedar tentang kelemahan mereka, tetapi berpegang kepada kaedah “*tidak dapat semua jangan*

tinggal semua" bak kata pepatah '*tidak ada rotan, akar berguna*'. Oleh kerana tidak ada guru yang berkelayakan. Pelajar-pelajar terpaksa belajar dari siapa sahaja yang sanggup mengajar mereka.

Guru-guru Al-Quran ini umumnya terdiri daripada orang-orang tua di sesebuah kampung yang rata-ratanya tidak begitu berupaya untuk bekerja. Mereka bukan sahaja tidak terlatih malah kemampuan mereka pun hanya sekadar dapat membaca tanpa menepati makhraj dan sifat huruf. Jauh sekali dari memahami bahasa Al-Quran iaitu bahasa Arab. Mereka menganggap mengajar Al-Quran sebagai satu ibadat dan kewajipan agama yang mengharapkan pahala daripada Allah dari setiap huruf yang dibaca bukan sebagai suatu yang mesti difahami kandungannya.

Pengajaran mereka masih menggunakan kaedah lama iaitu guru membaca, murid mengajuk. Di samping itu diajar juga cara untuk mengenal huruf seperti *Alif* (ا), *Ba* (ب), *Ta* (ت) dan seterusnya. Kemudian diikuti dengan cara mengeja mengikut kaedah *harfiyyah* seperti *Alif* di atas *a*, *Alif* di bawah *i*, *Alif* di hadapan *u*, *a,i,u* (ا ا ا). *Ba*'di atas *ba*, *Ba'* di bawah *bi*, *Ba'* di hadapan *bu*; (ب ب ب). Begitulah seterusnya diajar huruf-huruf *hijaiyyah* sehingga akhir. Kaedah ini dikenali dengan nama kaedah *Baghdadi*.

Walaupun beberapa tahun kebelakangan ini kaedah *Iqra'* dan kaedah *Qiraati* iaitu terus mengajar bunyi-bunyi huruf seperti *a* (ا), *ha* (ه), *ta* (ت) dan seterusnya, diperkenalkan tetapi pelaksanaannya tidak mengikut disiplin yang ditetapkan seperti yang dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah .

Dari segi tempat belajar pada keseluruhannya amat tidak selesa. Kelas-kelas pengajian Al-Quran diadakan di serambi atau di lambo (beranda) rumah guru yang berkenaan . Jarang didapati pengajian Al-Quran dilakukan di kelas-kelas khas.

Pihak yang berkuasa kususnya Kementerian Pendidikan tidak nampak bahawa pengajian Al-Quran sebagai suatu yang sangat penting diajar secara khusus kepada kanak-kanak. Oleh itu hingga ke hari ini tidak ada kelas pengajian Al-Quran yang dikendalikan oleh pihak berkuasa secara kemas dan teratur. Kelas-kelas tadika yang dibuka untuk kanak-kanak pra-sekolah juga tidak diajar membaca Al-Quran secara serius. Begitu juga pertubuhan-pertubuhan sukarela tidak ada dalam kegiatannya mengadakan kelas Al-Quran secara teratur.

Sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa pihak yang bertanggungjawab tidak mengambil berat terhadap pengajian Al-Quran. Kebanyakan kelas-kelas Al-Quran diadakan atas usaha individu yang keadaannya hidup segan mati tak mahu. Peranan jabatan-jabatan Hal Ehwal Agama Negeri juga amat sedikit iaitu sekadar memberi saguhati kepada setengah guru-guru Al-Quran sebanyak RM40.00 hingga RM60.00 sebulan bagi seorang guru.

Selain daripada itu minat pelajar untuk mempelajari Al-Quran juga sangat kurang. Kebanyakan mereka belajar Al-Quran kerana paksaan ibubapa, bukan atas kehendak sendiri. Faktor minat ini mungkin mempunyai kaitan dengan faktor-faktor lain yang disebut di atas tadi.

Berdasarkan masalah yang dihadapi ini, maka dirasakan amat perlu satu kajian tentang kelemahan pelajar-pelajar Melayu di sekolah menengah dan di sekolah rendah dilakukan secara menyeluruh. Kajian ini diharapkan dapat mengenalpasti faktor-faktor permasalahan dan dengan itu dapat pula dicari jalan untuk mengatasinya.

1.1 PENTINGNYA ANALISIS KESILAPAN

Tidak sesiapa pun dapat manafikkan tentang pentingnya mengetahui sesuatu kelemahan dan kesilapan kerana ia merupakan sebahagian daripada cara untuk mengatasinya. Tanpa mengetahui kelemahan dan kesilapan usaha mengatasinya sering tidak menepati sasaran. Sebagai manusia kita tidak dapat lari daripada kesalahan dan kesilapan, tetapi yang penting ialah menyedari dan berusaha mengatasinya. Rasulullah bersabda yang bermaksud “*semua anak Adam melakukan kesilapan dan sebaik-baik orang yang melakukan kesilapan ialah mereka yang bertaubat*”. Untuk bertaubat seseorang itu mestilah mengenalpasti kesalahan yang dilakukan dan mengetahui pula cara mengatasinya.

Menurut Corder (1967), analisis kesilapan dalam penggunaan sesuata bahasa yang diperolehi daripada pelajar adalah penting dari segi perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa berkenaan. Ini adalah kerana jenis dan kekerapan kesilapan bahasa itu dapat menjadi bukti yang menunjukkan bagaimana pelajar menguasai sesuatu yang didedahkan kepada mereka. Brown (1980) pula menegaskan betapa pentingnya kajian terhadap kesilapan dalam penggunaan sesuatu

bahasa, khususnya dari segi pembelajaran menurutnya ;“*Human learning is fundamentally a process that involves the making at mistakes. Mistakes, misjudgments, miscalculations, and erroneous assumptions from an important aspect of learning virtually any skill or acquiring information ... Language,in this sense,is like any other human learning.*(Corder dan Brown dalam Awang:19:1990). Dari sini jelaslah bahawa membuat analisis kesilapan merupakan suatu usaha yang amat perlu bagi mengatasi kelemahan yang dihadapi khususnya dalam masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa. Melalui analisis kesilapan kita dapat mengetahui

- a) Jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar.
- b) Punca-punca kesalahan dan perkaitannya.
- c) Cara-cara untuk mengatasinya yang lebih berkesan
- d) Bagaimana langkah mengatasinya supaya kesalahan yang dilakukan tidak berulang lagi.

Chomsky (1965) membahagikan kesalahan bahasa kepada dua jenis iaitu:

- 1) Kesalahan “perfomance” yang diberi nama mistakes iaitu kesalahan yang disebabkan oleh gangguan bahasa.
- 2) Kesalahan “competency” yang diberi nama “errors” iaitu kesalahan yang disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mengenai kaedah- kaedah bahasa. Ia merupakan penyimpangan yang sistematis yang disebabkan oleh pengetahuan pelajar yang sedang berkembang mengenai bahasa kedua. (Corder Iham Henry Canntur, 143:1988)

Sebagai kesimpulannya, pakar bahasa dan guru bahasa sependapat bahawa kesilapan berbahasa mengganggu dan menjelaskan pencapaian dan tujuan pembelajaran bahasa dan juga menunjukkan pembelajaran bahasa tidak berjaya. (Henry G.Tarigan dalam Radhiah:1995)

1.2 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk memaparkan masalah dalam pengajian al-Quran dan kesannya kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah rendah. Dengan mengenalpasti faktor-faktor kelemahan yang dialami oleh pelajar-pelajar dapatlah pula dicari cara penyelesaian yang sewajarnya bagi mengatasi masalah tersebut sehingga pengajian al-Quran benar-benar membantu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kajian ini mencakupi persoalan-persoalan seperti; Apakah permasalahan yang dihadapi?. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya masalah tersebut? Adakah guru-guru menyedari masalah yang dihadapi?. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh guru untuk mengatasi masalah tersebut?. Dan apakah langkah-langkah yang difikirkan baik bagi mengatasi masalah tersebut untuk jangka pendek dan jangka panjang.

Adalah diharapkan hasil kajian ini nanti dapat dijadikan panduan kepada guru-guru al-Quran dan guru-guru bahasa Arab dalam usaha mereka mempertingkatkan untuk pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan bahasa Arab.

1.3 RUANGLINGKUP KAJIAN

Kajian ini dilakukan di sebuah sekolah sahaja iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. Responden kajian terdiri dari pelajar-pelajar yang sedang belajar dalam tingkatan tiga tahun 1997 yang belajar mengikut sistem pendidikan negara sejak dari tahun satu lagi. Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran wajib yang mesti dipelajari oleh setiap pelajar.

Sekolah ini dipilih kerana ia merupakan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang terawal selepas Kolej Islam Sultan Alam Shah Kelang. Pelajar-pelajarnya dipilih dari sekolah-sekolah rendah diseluruh negeri Terengganu.

1.4 RESPONDEN

Kajian ini melibatkan 120 orang pelajar tingkatan tiga 1997 dan 10 orang guru al-Quran yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu.

1.5 PEMBATASAN KAJIAN

Kajian ini dihadkan kepada pelajar-pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu sahaja. Mereka yang terlibat dapat mewakili pelajar-pelajar negeri Terengganu kerana mereka dipilih dari seluruh negeri Terengganu.

Jenis kemahiran yang diperhatikan dalam kajian ini ialah kemahiran sebutan dalam membaca al-Quran. Analisis yang dibuat

berdasarkan rakaman yang diambil ketika pelajar-pelajar membaca surah *Al-Bayyinah* dan surah *Al-Kahf*. Jenis kemahiran yang dinilai ialah membaca Al-Quran.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dilakukan melalui beberapa kaedah, iaitu ;

1. Ujian membaca

Responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar dikehendaki membaca dua surah daripada Al-Quran. Kedua-dua surah tersebut ialah surah *Al-Kahf* dan *Al-Bayyinah*. Surah *Al-Kahf* mewakili surah yang panjang dan surah *Al-Bayyinah* mewakili surah yang pendek. Pengkaji merakamkan bacaan mereka kemudian meneliti semula beberapa kali untuk mendapat data yang lengkap mengikut bahagian yang ditentukan. Data-data tersebut dianalisis secara terperinci bagi memperolehi maklumat yang tepat.

2. Soalselidik kepada guru Sekolah Menengah Kebangsaan

Agama Tok Jiring.

Soalselidik terhadap 10 orang guru yang mengajar Al-Quran dilakukan melalui soalan bertulis seperti mana Lampiran 1. Soalan tersebut mencakupi Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengenai latar belakang latihan perguruan , pengalaman , masalah pengajaran dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Manakala Bahagian B pula menyentuh tentang faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya masalah

kelemahan pelajar membaca Al-Quran. Dan pandangan guru-guru bagi mengatasi masalah tersebut.

3. Soalselidik kepada pelajar

Soalselidik ini dilakukan dengan cara memilih secara rawak 20 orang pelajar dari jumlah 120 responden untuk menjawab soalan bertulis. Soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan minat, kesungguhan dan cara mereka belajar. Turut disoal ialah masalah yang dihadapi oleh mereka, pendekatan guru mengajar dan kegiatan di luar bilik darjah.

4. Temubual dengan pelajar

Untuk mendapatkan maklumat tambahan pengkaji mengadakan temubual dengan 10 orang dari 120 responden (bukan dari kalangan 20 orang yang telah disoal selidik). Perbincangan berkenaan masalah membaca Al-Quran, sebab-sebab kelemahan dan cadangan-cadangan untuk mengatasinya.

5. Temubual dengan 5 orang guru

Untuk meyakinkan lagi maklumat yang diperolehi pengkaji memilih 5 dari 10 orang guru yang mengajar Al-Quran di SMAKTJ untuk ditemubual. Perbincangan adalah tertumpu kepada masalah pengajaran, kelemahan pelajar, pandangan mereka tentang punca-punca kelemahan.

6. Pemerhatian

Selain daripada kajian yang melibatkan guru-guru dan pelajar-pelajar , pengkaji juga memperolehi maklumat melalui pengalaman dan pemerhatian di pusat-pusat pengajian Al-Quran. Dengan maklumat tambahan ini memudahkan pengkaji membuat penilaian terhadap permasalahan yang dihadapi dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai dan munasabah.

Dalam kajian ini pengkaji mengekalkan istilah-istilah *tajwid* di samping memberi terjemahan yang sesuai dalam Bahasa Melayu.

1.7 TINJAUAN AWAL KAJIAN LEPAS

Oleh kerana membaca al-Quran merupakan ibadat bagi orang-orang Islam, maka para ulama sentiasa berusaha supaya umat Islam dapat membaca al-Quran dengan betul seperti yang diajar oleh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam.

Untuk tujuan itu banyak kitab ditulis bagi menjelaskan kaedah dan cara membaca al-Quran. Antaranya kitab ; “*Tahfid fi al-Itqan Wa-al-Tajwid*”, oleh Abu Umar Othman bin Said al- Dani ,1988), “*Haqqa al-Tilawah*” oleh Husni Syeikh Othman (1973), “*Al-Mursyid fi Ulum al-Tajwid*” oleh Syeikh Zaidan Mahmud (1991) dan “*Fi-Sauitiyyati al-Arabiyyah*” oleh Mahyuddin Ramadhan (1979). Semua tulisan ini membicarakan tentang adab membaca Al-Quran, makhraj huruf,sifat huruf, panjang pendek bacaan dan waqaf serta ibtida’.

Banyak lagi kitab-kitab mengenai sebutan dan bacaan al-Quran ditulis dalam bahasa Arab. Walaupun begitu tulisan kitab-kitab seumpama ini tidak banyak ditulis dalam bahasa Melayu. Salah satu tulisan yang digunakan untuk dijadikan panduan ialah “*Panduan Membaca al-Quran*” dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu. Buku ini sangat ringkas, hanya menerangkan hukum-hukum tajwid yang berkaitan dengan *Nun Sakinah* atau *Tanwin*, *Mim Sakinah* dan panjang pendek bacaan sahaja. Sebuah buku yang agak ditail ditulis dalam bahasa Melayu ialah yang disusun oleh Abdul Qadir Liong (1988) yang bertajuk “*Tajwidul al-Quran*”. Seperti mana kandungan buku-buku yang disebut di atas, buku ini membicarakan tentang makhray dan sifat huruf, panjang pendek bacaan, *waqaf* dan *ibtida*’.

Selain daripada itu terdapat dua desertas masing-masing ditulis oleh Emran bin Hj. Bakar (1995) yang bertajuk “*Al-Qira'at al-Quraniyyah*”, sebagai salah satu aspek fonologi bahasa Arab” dan Mokhtar bin Hj. Musa (1995) bertajuk “*Struktur Bunyi Bahasa Al-Quran Dan Kaedah Tilawahnya Mengikut Riwayat Hafaz, Qalun, Warasy Dan Duri.*” Emran bin Hj. Abu Bakar membicarakan asal usul *qira'at*, sejarah pertumbuhannya serta tokoh-tokohnya dan hubungan dialek-dialek dalam bahasa Arab dengan *qira'at*. Manakala Mokhtar Musa pula menulis dalam *desertasinya* tentang penurunan Al-Quran, apa yang dimaksudkan dengan *huruf tujuh*, jenis-jenis *qira'at* yang terkenal serta *qari-qarinya* dan ilmu *tajwid* secara ringkas yang mencakupi persoalan *makhraj* huruf, sifat huruf, *waqaf* dan *ibtida*’

Kesemua buku ini ditulis dalam bentuk teori semata-mata. Belum ada kajian dalam bentuk kerja lapangan yang dilakukan dalam masa tertentu untuk melihat masalah sebenar yang dihadapi oleh guru-guru dan pelajar-pelajar supaya dapat dijadikan asas bagi usaha mencari jalan untuk mengatasinya. Oleh kerana itu kajian mengenai kelemahan pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia dalam membaca Al-Quran belum dibuat secara serius maka pengkaji merasakan kajian seperti ini perlu dilakukan supaya dapat dikenalpasti aspek kelemahan sebenar yang dialami oleh pelajar dan dapat dicari manakah teori pengajaran dan pembelajaran yang sesuai serta dapat menentukan langkah-langkah yang perlu untuk mengatasinya.